

16/04/1998

Hasrat negara kawal mata wang kian nyata

HASRAT Malaysia untuk mengawal perdagangan mata wang mengikut peraturan dan undang-undang semakin nyata dengan penemuan fakta bahawa kegiatan spekulator antarabangsa membabitkan hampir AS\$500 bilion.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifudin Omar, berkata usaha mengawal perdagangan mata wang yang dicadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hong Kong, tahun lalu, disambut baik oleh Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan beberapa siri mesyuarat dijalankan antara negara Asean seperti yang dikehendaki badan dunia itu.

Menurutnya, kajian mengenai kegiatan spekulator yang dijalankan jelas membuktikan bahawa dana lindung nilai yang digunakan dalam perdagangan mata wang adalah besar.

"Ini adalah langkah pertama penemuan fakta penting yang akan digunakan untuk mencari kaedah bagi melaksanakan cadangan Dr Mahathir supaya perdagangan mata wang dikawal," katanya menjawab soalan tambahan Zainal Abidin Osman (BN-Mersing), di Dewan Rakyat semalam.

Menjawab soalan Tan Kok Wai (DAP-Cheras), Affifudin berkata Malaysia mempunyai sistem kawalan pertukaran mata wang yang liberal.

Beliau berkata, pada amnya pemastautin dibenarkan membayar atau menerima wang daripada bukan pemastautin, tertakluk kepada pengisian Borang P atau Borang R untuk setiap pembayaran atau penerimaan RM100,000 atau lebih atau persamaan nilai itu dalam mata wang asing.

Menurutnya, di bawah Kawalan Pertukaran Asing (Import dan Eksport) Peraturan Am 1982, kaedah berikut adalah ditetapkan;

a) Seorang pengembara yang sampai atau berlepas daripada Malaysia boleh mengimport dan mengeksport dengan bebasnya sebarang amaun wang kertas Malaysia dan asing pada dirinya atau dalam bagasinya.

b) Kebenaran terdahulu daripada Pengawal Pertukaran Asing diperlukan untuk mengimport atau mengeksport wang kertas Malaysia serta mengesport wang kertas negara asing dengan sebarang kaedah selain daripada (a) di atas.

c) Tiada had ke atas import wang kertas negara asing dan kaedah pembayaran pengembara yang lain.

d) Pelancong asing tidak diwajibkan menukar mata wang mereka ketika memasuki Malaysia.

e) Perkara di atas tidak merangkumi mata wang Israel, Serbia dan Montenegro. Semua urusan niaga dengan mata wang Israel, Serbia dan Montenegro memerlukan kebenaran terdahulu daripada Pengawal Pertukaran Asing.

Affifudin berkata, oleh kerana pengembara bebas mengimport mata wang tunai ketika memasuki Malaysia, Bank Negara tidak ada maklumat mengenai nilai sebenar mata wang asing yang dibawa masuk ke Malaysia, menurut negara asal pengembara itu.

(END)